



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 11 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	AGO 2.0, aspek kesaksamaan gender terus diperkasa https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ago-2-0-aspek-kesaksamaan-gender-terus-diperkasa	Berita RTM	Positif
2.	'Crush' murid sekolah: Pemandu bas tak mengaku salah, menangis di kandang tertuduh https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1132371/crush-murid-sekolah-pemandu-bas-tak-mengaku-salah-menangis-di-kandang-tertuduh https://www.bernama.com/en/news.php?id=2338887 https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/11/school-bus-driver-charged-with-sexual-assault https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2338885 https://www.malaysiakini.com/news/718767 https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/10/abang-bas-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-dua-kanak-kanak https://thesun.my/local-news/school-bus-driver-charged-with-physical-sexual-assault-on-two-children-GC12985276	Harian Metro Bernama The Star Bernama Radio Malaysia Kini Utusan Borneo The Sun	Neutral

	<p>https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/09/1103735/crush-school-bus-driver-pleads-not-guilty-sexual-assault-watch</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/09/1296421/pemandu-bas-crush-murid-sekolah-didakwa-di-mahkamah-menangis-di</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-abang-bas-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-kanakkanak-x95fao0</p>	<p>NST</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p>	
3.	<p>MCMC alu-alukan aduan awam berhubung kandungan media sosial babitkan kanak-kanak – Teo</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/mcmc-alu-alukan-aduan-awam-berhubung-kandungan-media-sosial-babitkan-kanak-kanak-teo-HC12985376#google_vignette</p> <p>https://selangorjournal.my/2024/09/mcmc-welcomes-public-complaints-on-misuse-of-kids-likenesses-on-social-media/#google_vignette</p> <p>https://theedgemalaysia.com/node/726184</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/684917/berita/nasional/mcmc-alu-alukan-aduan-awam-berhubung-kandungan-media-sosial-babit-kanak-kanak#google_vignette</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/mcmc-alu-alukan-aduan-awam-berhubung-kandungan-media-sosial-babitkan-kanak-kanak/</p>	<p>The Sun</p> <p>Selangor Journal</p> <p>The Edge Malaysia</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Positif
4.	<p>27 taska diambil tindakan tahun ini – JKM Melaka</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/27-taska-diambil-tindakan-tahun-ini-jkm-melaka/#google_vignette</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2338932</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/10/permintaan-tinggi-punca-pengusaha-tidak-daftar-taska/</p>	<p>Utusan Malaysia</p> <p>Bernamea</p> <p>Kosmo</p>	Positif

	https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/10/taska-bayi-lapan-bulan-maut-ditutup-serta-merta https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132584/27-taska-tidak-berdaftar-di-melaka-diambil-tindakan https://malaysiagazette.com/2024/09/10/27-taska-haram-melaka-dikenakan-tindakan/ https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1104000/melaka-childcare-centre-linked-baby-boys-death-ordered-close https://thesun.my/local-news/melaka-childcare-centre-linked-to-baby-boy-s-death-ordered-to-close-OC12985975 https://malaysiagazette.com/2024/09/10/taska-kes-bayi-dipercayai-dibunuh-pengasuh-ditutup/	<p>Utusan Borneo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>NST</p> <p>The Sun</p> <p>Malaysia Gazette</p>	
5.	<p>'Kanak-kanak dibenarkan flying fox tapi perlu ditemani orang dewasa'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/684825/edisi/selangor-kl/kanak-kanak-dibenarkan-flying-fox-tapi-perlu-ditemani-orang-dewasa</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
6.	<p>Ibu bapa dakwa kanak-kanak 12 tahun tidur di kaki lima nakal</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/ibu-bapa-dakwa-kanak-kanak-12-tahun-tidur-di-kaki-lima-nakal/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
7.	<p>Umpan 'jajan' cabul kanak-kanak, lelaki dipenjara 5 tahun dua sebatan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132579/ump-an-jajan-cabul-kanak-kanak-lelaki-dipenjara-5-tahun-dua-sebatan</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
8.	<p>Ibu, teman lelaki dipenjara dua tahun, dera kanak-kanak perempuan</p> <p>https://selangorkini.my/2024/09/ibu-teman-lelaki-dipenjara-dua-tahun-dera-kanak-kanak-perempuan/</p>	<p>SelangorKini</p>	Neutral

	<p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/09/10/dera-anak-ibu-tunggal-teman-lelaki-dipenjara-2-tahun</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/10/video-ibu-tunggal-kekasih-dera-anak-dipenjara-dua-tahun/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/684833/berita/semasa/ibu-tunggal-teman-lelaki-dera-anak-dipenjara-dua-tahun</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/10/ibu-teman-lelaki-dipenjara-dua-tahun-dera-kanak-kanak-lima-tahun</p>	<p>MStar</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p>	
8.	<p>Bayi 30 hari meninggal dunia di pusat jagaan berpantang</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/684964/berita/semasa/bayi-30-hari-meninggal-dunia-di-pusat-jagaan-berpantang</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2339077</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/bayi-berusia-30-hari-meninggal-dunia-selepas-diberi-susu/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/10/bayi-30-hari-maut-semasa-diberi-susu-oleh-jururawat/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132665/bayi-30-hari-maut-di-pusat-jagaan-berpantang-jururawat-ditahan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/10/bayi-30-hari-maut-jururawat-ditahan/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/10/30-day-old-infant-dies-confinement-centre-nurse-detained/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-30-hari-meninggal-dunia-selepas-diberi-susu-di-pusat-jagaan-berpantang-487306</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-30-hari-maut-selepas-diberi-susu-oleh-jururawat/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Bernama</p> <p>Utusan</p> <p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>FMT</p> <p>FMT</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2339077	Bernamea	
9	<p>Wanita perlu diberi peranan lebih besar dalam korporat Malaysia – KRI</p> <p>https://www.buletintv3.my/detik-niaga/wanita-perlu-diberi-peranan-lebih-besar-dalam-korporat-malaysia-kri/</p>	Buletin TV3	Neutral
10.	<p>Dua kali ditipu, guru wanita rugi lebih RM131,000</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/10/dua-kali-terperdaya-guru-rugi-rm131347/</p> <p>https://seeni.my/article/dua-kali-ditipu-guru-wanita-rugi-lebih-rm131000-sinar-harian-684911</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-rugi-lebih-rm130000-terperdaya-skim-pelaburan-pinjaman-tidak-wujud-487256</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/10/kena-tipu-berganda-guru-rugi-lebih-rm130000/</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2338895</p>	<p>Kosmo</p> <p>Seeni</p> <p>Astro Awani</p> <p>FMT</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
11.	<p>Taska bayi lapan bulan maut ditutup serta-merta</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/10/taska-bayi-lapan-bulan-maut-ditutup-septa-merta</p>	Utusan Borneo	Positif
12.	<p>Rangka warga emas ditemui dipercayai meninggal dunia 4 tahun lalu</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/684929/berita/semasa/rangka-warga-emas-ditemui-dipercayai-meninggal-dunia-4-tahun-lalu</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132619/hilang-4-tahun-warga-emas-ditemukan-tinggal-rangka-dalam-rumah</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

	<p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/09/10/rangka-warga-emas-jiran-dedah-tiada-bau-pelik-arwah-rajin-ke-surau</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/10/rangka-warga-emas-ditemukan-terlantar-atas-tilam</p> <p>https://lobakmerah.com/penduduk-terkejut-jumpa-rangka-dalam-rumah-dipercayai-mayat-warga-emas-meninggal-4-tahun-lalu/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/10/rangka-warga-emas-ditemui-dalam-rumah-di-kepong/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2339007</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/10/tinggal-rangka-warga-emas-ditemukan-meninggal-dunia-dalam-rumah/</p> <p>https://ohmymedia.cc/rangka-warga-emas-ditemui-atas-tilam</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/10/retirees-skeletal-remains-found-in-kepong-apartment/</p>	<p>MStar</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Lobak Merah</p> <p>Kosmo</p> <p>Bernamea</p> <p>FMT</p> <p>OhMyMedia</p> <p>FMT</p>	
13.	<p>[Video] OKU Jual Air Botol Guna Motor, Usaha Lelaki Ini Cari Rezeki Raih Pujian</p> <p>https://www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2024/09/10/video-oku-jual-air-botol-guna-motor-usaha-lelaki-ini-cari-rezeki-raih-pujian/</p> <p>https://thereporter.my/gigih-dia-cari-rezeki-ramai-sebak-tengok-pemuda-oku-ini-rajin-jual-air-botol/</p> <p>https://ohmymedia.cc/pemuda-oku-jual-air#google_vignette</p>	<p>Thr Rakyat Post</p> <p>The Reporter</p> <p>OhMyMedia</p>	Neutral
14.	<p>Tukang gunting tabah jaga isteri, anak sakit kronik</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/11/tukang-gunting-tabah-jaga-isteri-anak-sakit-kronik/</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral

AGO 2.0, aspek kesaksamaan gender terus diperkasa



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (tengah) berkata pelancaran edisi kedua ASEAN Gender Outlook (AGO 2.0) menonjolkan kepimpinan Malaysia dalam memacu inisiatif berfokuskan gender di rantau ini / Foto FB Menteri

KUALA LUMPUR, 10 September – Malaysia komited memperjuangkan kesaksamaan gender melalui agenda pembangunan di seluruh ASEAN, bertujuan memberi peluang kepada golongan wanita membina masa depan yang lebih cerah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata pelancaran edisi kedua ASEAN Gender Outlook (AGO 2.0) menonjolkan kepimpinan Malaysia dalam memacu inisiatif berfokuskan gender di rantau ini.

"Kita mesti terus mengintegrasikan perspektif gender dalam setiap aspek agenda pembangunan. Penemuan AGO 2.0 memberikan laluan dan menonjolkan bidang di mana usaha kita perlu digandakan," katanya pada Majlis Pelancaran AGO 2.0 di ibu negara.

Nancy turut memaklumkan bahawa edisi kali ini memberi tumpuan kepada isu ketidakjaminan makanan, akses kepada penjagaan kesihatan dan jurang teknologi.

'Crush' murid sekolah: Pemandu bas tak mengaku salah, menangis di kandang tertuduh

Muar: Pemandu bas yang memuat naik rakaman video murid sekolah rendah yang juga penumpangnya dan merujuk sebagai orang disukainya atau '[crush](#)' dan 'kesayangan' dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini.

Tertuduh berusia 24 tahun yang berhadapan dua pertuduhan bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas dikemukakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan amang seksual dengan mencium pipi kanak-kanak perempuan berusia empat tahun yang juga anak saudaranya.

Perbuatan itu dilakukan dalam bas sekolah di Simpang Renggam, Kluang, antara 5 hingga 6 petang, April sehingga September 2024.

Bagi kesalahan ini, didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKKSTKK) 2017.

Pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa memerhati kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun secara berulang bagi maksud seksual dengan kejadian ini juga berlaku pada waktu dan tempat yang sama.



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku tak bersalah. FOTO Alias Abd Rani

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (a) (iii) AKKSTKK 2017 yang boleh dihukum di mengikut Seksyen 15 akta sama.

Pada prosiding itu, dia yang masih bujang kelihatan tunduk sambil menitikkan air mata dari kantung tertuduh.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Pendakwaan Negeri Johor, Abdul Ghafar Ab Latif manakala tertuduh diwakili peguam, Umar Zulkarnain.

Terdahulu, pihak pendakwaan meminta mahkamah mengenakan ikat jamin RM50,000 untuk kedua-dua pertuduhan dengan alasan kes ini mendapat perhatian seluruh negara hingga memberikan pelbagai gambaran serta gesaan supaya tindakan diambil terhadap tertuduh.

"Selain itu juga, kes ini kesalahan serta salah seorang mangsa adalah anak saudaranya dan mereka tinggal berdekatan.

"Justeru pihak pendakwaan memohon mahkamah mempertimbangkan perkara ini serta mengenakan syarat kepada tertuduh," hujahnya.

Selepas mendengar hujahan dan rayuan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM30,000 dengan seorang penjamin.

Pada masa sama, mahkamah juga menetapkan dua syarat iaitu tertuduh perlu melapor diri di balai polis berhampiran sebulan sekali, serta tidak mengganggu atau berkomunikasi dengan mangsa ataupun saksi pendakwaan sepanjang prosiding ini.

Kes disebut semula pada 10 Oktober ini untuk serahan dokumen.

MCMC alu-alukan aduan awam berhubung kandungan media sosial babitkan kanak-kanak – Teo



Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching

KULAI: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memaklumkan kandungan media sosial yang menyalahgunakan imej atau video melibatkan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching berkata kerjasama itu penting bagi memastikan perlakuan jenayah melibatkan kanak-kanak tidak berleluasa di negara ini.

“Bukan MCMC tidak buat kerja, memang kita ada pasukan pemantau dan dibuat setiap hari, tetapi kita perlu faham jumlah kakitangan MCMC terhad dan algoritma media sosial juga memainkan peranan kerana bukan semua orang akan melihat kandungan yang sama.

“Kita alu-alukan aduan dan kita akan ambil tindakan yang sesuai. MCMC ada emel, laman web, juga talian hotline. Ini adalah cara untuk membantu pasukan pemantau kita,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Pembukaan Pusat Beli-Belah The Commune di sini hari ini.

Teo yang juga Ahli Parlimen Kulai turut mengingatkan masyarakat khususnya ibu bapa agar tidak mudah menjadikan anak-anak mereka terutamanya di bawah umur sebagai bahan kandungan media sosial.

“Sebenarnya memang salah bagi kita gunakan kanak-kanak sebagai bahan kandungan media sosial, perlu dapatkan kebenaran ibu bapa.

“Zaman ini mudah sahaja gambar dan video disalahgunakan menggunakan teknologi ‘deepfake’. Di Korea Selatan sudah ada masalah ini, imej dan video kanak-kanak dijadikan bahan lucu. Kita sebagai orang dewasa perlu jaga privasi mereka,” katanya.

Terdahulu seorang pemandu bas yang memuat naik rakaman video murid sekolah rendah yang dibawanya dan merujuk kanak-kanak perempuan itu sebagai ‘crush’ dan kesayangan, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Muar hari ini.

Lelaki berumur 24 tahun itu mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap dua kanak-kanak termasuk seorang anak saudara perempuannya.

Khamis lepas seorang pengguna media sosial X, berkongsi tangkap layar hantaran TikTok milik pemandu bas sekolah itu sebelum Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri mengarahkan pegawai Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak untuk membuat laporan polis terhadap individu berkenaan.

27 taska diambil tindakan tahun ini – JKM Melaka

MELAKA: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil tindakan terhadap 27 taman asuhan kanak-kanak (taska) di negeri ini membabitkan pelbagai kesalahan bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini.

Pengarah JKM Melaka, Halyjah Muhamad berkata, sebuah taska telah didakwa di mahkamah, masing-masing sembilan taska dalam tindakan kompaun dan lak (tutup) manakala lapan lagi telah dikompaun.

Katanya, permintaan tinggi daripada ibu bapa menjadi antara punca pengusaha enggan mendaftarkan operasi taska mereka.

“Susulan itu, pasukan petugas khas telah dibentuk bagi melaksanakan program pemutihan taska-taska yang tidak berdaftar. JKM juga mengadakan perbincangan dengan pihak persatuan taska bagi mendesak semua pengusaha mendaftar dengan kadar segera.

“Selain itu, ibu bapa dinasihatkan menghantar anak-anak ke taska yang berdaftar. Ini kerana JKM akan memantau secara berkala, menyelia dan mewajibkan sijil kelulusan Kursus Asuhan Permata (KAP) kepada setiap pengasuh di taska tersebut,” katanya.

Tambah Halyjah, setakat ini sebanyak 137 taska di negeri ini telah berdaftar dengan JKM.

Menurutnya, pendaftaran tertinggi adalah di daerah Melaka Tengah iaitu sebanyak 101 buah manakala Jasin dan Alor Gajah sebanyak 19 dan 17 buah.

“Permohonan dan kelulusan telah diberikan kepada 61 taska sehingga Ogos lalu setelah JKM memberi advokasi kepada taska-taska yang terlibat. Semua taska berdaftar akan direkodkan dalam portal JKM. Justeru, ibu bapa disaran menyemak portal berkenaan bagi memastikan premis tersebut berdaftar atau tidak,” ujarnya. –
UTUSAN

Bayi 30 hari meninggal dunia di pusat jagaan berpantang

KOTA BHARU - Bayi lelaki berusia 30 hari meninggal dunia selepas didapati tidak sedarkan diri setelah diberikan susu oleh jururawat yang ditugaskan menjaga mangsa di sebuah pusat jagaan berpantang di sini, pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd Rosdi Daud, berkata, polis menerima laporan berkaitan kejadian pada jam 5.30 pagi.

Menurut beliau, laporan diterima berkaitan pengabaian sehingga menyebabkan kematian bayi berkenaan.

“Hasil siasatan mendapati mangsa tidak sedarkan diri setelah diberikan susu oleh seorang jururawat yang ditugaskan menjaga bayi berkenaan.

“Mangsa kemudian dibawa ke Kota Bharu Medikal Center (KBMC) untuk rawatan, namun disahkan meninggal dunia,” katanya dalam satu kenyataan akhbar pada Selasa.

Mohd Rosdi berkata, susulan itu, suspek yang juga jururawat yang ditugaskan menjaga bayi berkenaan ditangkap pada jam 6 petang, Selasa.

“Suspek yang berusia lingkungan awal 20-an dan masih bujang itu akan dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Bharu untuk mendapatkan permohonan tahanan reman esok (Rabu),” katanya.

Tambah Mohd Rosdi, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan siasatan masih diteruskan.

Wanita perlu diberi peranan lebih besar dalam korporat Malaysia – KRI

KUALA LUMPUR: Wanita perlu diberi peranan lebih besar dalam menerajui korporat Malaysia memandangkan, golongan ini mewakili lebih 50 peratus daripada bidang profesional.

Penyelidik Madya Institut Penyelidikan Khazanah, (KRI) Puteri Marjan Megat Muzafar berkata, kajian turut mendapati, hanya 56.2 peratus daripada keseluruhan wanita di negara ini yang bekerja, lebih rendah berbanding beberapa negara serantau.

“Kalau kita nak Malaysia berdaya saing, maju maksudnya kita punya pencapaian itu bila tengok dengan negara lain masih lagi belakang. Sebagai contoh Thailand 69 peratus wanita bekerja tapi kalau tengok Singapura lagi tinggi 72 peratus wanita bekerja. ” katanya pada sesi forum bertajuk ‘Peranan Wanita dalam Masyarakat: Menangani Ketidakadilan Gender, Beban Berganda & Kesejahteraan Mental di Malaysia’ pagi tadi.

Sesi itu turut disertai oleh Pengasas Bersama dan Pengarah Eksekutif dobiQueen, Nini Tan dan Pengasas dan Presiden Persatuan Kesedaran & Sokongan Penyakit Mental (MIASA), Anita Abu Bakar.

Kajian KRI juga mendapati wanita hanya merangkumi 37.7 peratus tenaga kerja dalam negara meskipun pencapaian golongan wanita dalam pendidikan telah bertambah baik dan setanding kaum lelaki dengan rekod 52 peratus.